

PPIB lancar buku '25 Tahun PPIB' sempena Sambutan Jubli Perak UMS

UM 16.12.2019 17

PUSAT Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) melancarkan buku '25 Tahun PPIB Perkembangan, Cabaran dan Pencapaian' yang menghimpunkan 17 bab menyentuh tema penting berkaitan dengan sejarah dan perkembangan PPIB dari segi pentadbiran, pembangunan bidang akademik dan pencapaian kakitangan dalam bidang penyelidikan, penerbitan serta khidmat komuniti selama 25 tahun dalam perkembangan UMS baru-baru ini.

Sumbangan para kakitangan akademik PPIB terutamanya para pensyarah yang terawal berkhidmat di UMS dalam penerbitan buku ini boleh dijadikan rujukan umum untuk mengenali PPIB serta entiti penting di UMS dalam

memantapkan disiplin ilmu pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selain dari gimik pelancaran buku, turut diadakan sesipengulasan buku terbitan PPIB yang disampaikan oleh Prof Madya Dr. Andreas Totu (25 tahun PPIB, Perkembangan, Cabaran dan Pencapaian), Dr. SyamsulAzizulMarinsah (Signifikan Simbol dalam Adat Kematian Bajau dari Perspektif Semiotik dan Komunikasi) dan Prof. Madya Dr. Saidatul Nornis Hj. Mahali (Canang)

Dekan PPIB UMS Prof. Dr. Jualang @ Azlan Gansau merakamkan sekalung penghargaan kepada tenaga akademik PPIB atas kejayaan menerbitkan sebuah buku yang memfokuskan perkembangan PPIB sempena sambutan Jubli Perak

UMS tahun ini.

"Dalam tempoh 25 tahun pusat ini terus bergerak seiring dengan perkembangan dan perubahan semasa yang berlaku dalam sistem pendidikan tinggi negara kita.

"Bagi memastikan PPIB memainkan peranan, mencapai matlamat yang telah ditetapkan dan terus relevan dengan keperluan bidang pendidikan tinggi semasa, maka wajarlah bagi kakitangan akademik PPIB untuk terus menjalankan penyelidikan dan menghasilkan penerbitan ilmiah yang berkualiti.

"Usaha ini sangat penting dalam meningkatkan kualiti kursus-kursus yang ditawarkan di PPIB. Dalam menghadapi pelbagai cabaran dan keperluan semasa, syabas saya ucapkan kepada PPIB kerana telah melangkah lebih jauh ke



RASMI: Dekan PPIB UMS, Prof. Dr. Jualang @ Azlan Gansau semasa merasmikan pelancaran buku 25 Tahun PPIB UMS.

depan dengan kejayaan menawarkan beberapa program pascasiswazah dalam mod penyelidikan dan meluaskan lagi pengambilan pelajar dari luar negara menerusi program Mobiliti dan Progressive English Program (PEP)," katanya semasa melancarkan perasmian program berkenaan.

Tambahnya, penubuhan Institut Confucius (CI) pula mampu meningkatkan ketidakterlihatan PPIB di persada



KENANGAN: Gambar bersama kakitangan PPIB UMS semasa pelancaran buku berkenaan.

antarabangsa.

Beliau berharap agar para pensyarah muda dapat meneruskan usaha murni ini dan mencipta kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan penerbitan ilmiah.

"Kejayaan dalam menerbitkan buku ini mencerminkan kerjasama yang baik dan komitmen tinggi dalam kalangan kakitangan PPIB UMS sama ada sebagai penulis 17 bab dalam buku tersebut

mahupun dalam kalangan Ahli Jawatankuasa Pelaksana Majlis Pelancaran buku ini," katanya.

Prof. Madya Dr. Saidatul Nornis Hj. Mahali selaku Timbalan Dekan Akademik PPIB UMS menegaskan agar usaha murni ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan peranan PPIB terus relevan serta memberikan sumbangan besar dalam bidang pendidikan tinggi pada peringkat

universiti, kebangsaan dan antarabangsa.

"Semoga dengan pelancaran buku ini akan menyuntik semangat dan sebagai pendorong kepada kakitangan akademik PPIB lain untuk terus melaksanakan penyelidikan serta menghasilkan penerbitan yang berkualiti, bukan hanya setakat mencapai KPI tahunan semata-mata," katanya. - Artikel sumbangan MOHD AFIS ISMAIL.